

TPM yakin kes ditangani segera

Oleh Azhar Abu Samah **BH**

- 2 MAY 2000

KUALA TERENGGANU, Isnin – Malaysia yakin kes penculikan 21 tebusan, termasuk sembilan rakyat negara ini, akan dapat ditangani segera berdasarkan kesediaan semua pihak terbabit, termasuk kumpulan Abu Sayyaf, untuk berunding.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata perkembangan itu menunjukkan petanda positif dalam usaha membebaskan semua tebusan yang ditahan di Jolo, Selatan Filipina sejak sembilan hari lalu.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, kera-


jaan memberi tumpuan serius dari semasa ke semasa dalam usaha membebaskan tebusan itu yang diculik dari Pulau Sipadan, Sabah pada 23 April lalu.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan Amanah Saham Malaysia (ASM) peringkat negeri Terengganu di Sekolah Menengah Bandar di sini, hari ini, beliau berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sudah dua kali menegaskan mengenai kesediaan Malaysia mengadakanundingan dengan pihak terbabit bagi menyelesaikan masalah berkenaan.

Mengenai laporan kononnya Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao, Nur Misuari ditolak oleh kumpulan Abu Sayyaf untuk menjadi orang tengah dalam perundingan itu, Abdullah berkata:

“Kita tidak mengetahui sama ada laporan itu benar atau tidak. Kalau tak mahu, mereka perlulaporkan kepada Presiden Filipina Joseph Estrada kerana dia (Nur Misuari) dipilih kerajaan Filipina,” katanya.

Beliau juga tidak dapat memastikan apakah pilihan pertama dan kedua yang diberikan kumpulan terbabit,



tetapi percaya semua pihak berasa bertanggungjawab untuk membebaskan semua tebusan.